

13/11/1999

PBS sambut baik tarikh mengundi

Zulkofli Jamaludin

KOTA KINABALU, Jumaat - Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Dr Maximus Ongkili, berkata parti itu tiada masalah dengan tarikh pilihan raya umum kali ini kerana jentera pilihan rayanya sudah bergerak lebih awal.

"Bagi kita, lebih cepat lebih baik. Lagipun keadaan di Sabah, terutamanya di luar bandar ketika ini begitu sibuk kerana musim menanam padi sudah tiba," katanya ketika dihubungi di Kota Marudu, 140km dari sini, hari ini bagi mengulas keputusan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan 29 November ini sebagai hari mengundi.

Maximus, yang juga Ahli Parlimen Bandau, berkata tarikh itu memberi kelebihan kepada semua parti di Sabah kerana jentera pilihan raya masing-masing, yang ditubuhkan ketika menghadapi pilihan raya negeri Mac lalu, masih bergerak.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Barisan Nasional (BN) menerima baik tempoh berkempen selama sembilan hari yang diputuskan SPR.

"Tempoh sembilan hari yang diputuskan SPR sudah cukup. Ini kerana mereka (pembangkang) sudah berkempen dua tahun, malah bercakap setiap hari," katanya di sini hari ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu pula menyifatkan tempoh berkempen itu sebagai adil, dan berkata SPR telah membuat satu keputusan yang adil.

"Dengan menimbang beberapa faktor seperti bulan puasa dan keadaan cuaca, tempoh yang diberi itu adalah adil," katanya.

Beliau berkata dengan tarikh penamaan calon ditetapkan pada 20 November dan pengundian 29 November, sudah memberikan masa yang cukup kepada pengundi untuk keluar mengundi.

Di ALOR SETAR, Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor, berkata parti itu sudah bersedia untuk menggunakan sepenuhnya tempoh berkempen selama sembilan hari yang ditetapkan.

Katanya, jentera Pas sememangnya sudah bersedia untuk menyampaikan mesej penting kepada masyarakat sepanjang tempoh berkempen itu.

Ketika dihubungi di ibu negara hari ini, Fadzil berkata Pas tetap menerima tempoh berkempen yang pendek itu, walaupun merasakan ia tidak mencukupi.

Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar, pula menyifatkan tempoh berkempen selama sembilan hari yang ditetapkan SPR sebagai terlalu singkat.

Beliau berkata, bagi negara yang seluas Malaysia yang mempunyai hampir 10 juta pengundi, tempoh kempen itu sepatutnya lebih panjang.

"Yang saya tak faham kenapa SPR sejak tahun 1981 putuskan sembilan hari walhal sebelum Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, SPR memutuskan tiga minggu dan sebelum tahun 70-an, SPR memutuskan lima minggu," katanya.

Dr Chandra mengakui sukar bagi barisan pembangkang bersaing dengan jentera pilihan raya BN, tetapi mereka akan tetap menggunakan tempoh berkenaan bagi mendapatkan sokongan pengundi.

(END)